

Sumbangan Pak Lah kepada IPT negara ini sentiasa dikenang

BERNAMA
April 15, 2025 @ 6:11pm



Isteri Perdana Menteri kelima, Tun Jeanne Abdullah menabur bunga di pusara suaminya Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi pada Istiadat Pengebumian Negara di Makam Pahlawan, Masjid Negara hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Jasa dan sumbangan Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi kepada institusi pendidikan tinggi (IPT) di negara ini, akan sentiasa dikenang.

Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Seri Dr Noor Azuan Abu Osman berkata Abdullah yang mesra dengan panggilan Pak Lah dan alumni program Sarjana Muda Sastera (Pengajian Islam) pada 1964, adalah lambang kepimpinan berintegriti dan negarawan ulung yang amat disegani.

"Sepanjang hayatnya, Allahyarham telah mencurahkan khidmat bakti tidak ternilai dan membina legasi kepimpinan berwawasan yang memberi impak besar kepada pembangunan negara serta kesejahteraan rakyat.

"Sebagai alumni UM, segala sumbangan, pencapaian beliau menjadi cerminan unggul nilai-nilai teras universiti iaitu kecemerlangan, kepimpinan dan tanggungjawab kepada masyarakat.

"UM amat berbangga kerana pernah menjadi sebahagian daripada perjalanan awal intelektual beliau," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di laman Facebook turut merakamkan salam takziah kepada ahli keluarga Abdullah, dengan memaklumkan kampus barat iaitu kampus utama UNIMAS telah dirasmikan negarawan itu pada 18 April 2006.

"Beberapa inisiatif penting seperti penekanan terhadap Pembangunan Modal Insan dan Pengiktirafan Industri Halal telah dibangunkan dalam usaha beliau dalam memajukan Malaysia.

"Di bawah pimpinan beliau juga, Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) juga telah dibangunkan bagi memacu ekonomi negeri dan seterusnya negara," menurut kenyataan itu.

Laman Facebook rasmi Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) masing-masing turut merakamkan dukacita atas pemergian negarawan yang disifatkan banyak berjasa membentuk dasar dan pentadbiran negara, berjiwa luhur, tenang dalam kepimpinan.

Sementara itu, laman Facebook Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memaklumkan akan melaksanakan solat jenazah ghaib bekas perdana menteri itu di Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM selepas solat Zohor pada esok.

– BERNAMA



BERITA

BHPLUS

Nasional

Kes

Politik

Pendidikan

Wilayah

SUKAN

DUNIA

HIBURAN

BISNES

RENCANA

WANITA

HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA

Foto

BHTV

LANGGAN

Akhbar Digital

Akhbar BH

PERKHIDMATAN

Iklan Web

1Klassifieds

NSTP KLIK